



# **BARISAN NASIONAL MALAYSIA** **(National Front Malaysia)**

## **SETIAUSAHA AGUNG** **(Secretary General)**

### **KENYATAAN MEDIA** **DEWAN TERTINGGI BARISAN NASIONAL**

Mesyuarat Agung Tahunan Dewan Tertinggi Barisan Nasional pada 15 Ogos 2022 yang dihadiri oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Presiden-Presiden parti komponen dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Dewan Tertinggi telah memutuskan beberapa perkara berikut :

1. Mesyuarat dimaklumkan tentang persiapan parti bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 di semua peringkat dan komponen Barisan Nasional.
2. Dewan Tertinggi berpuashati dengan tahap kesiapsiagaan yang sedang dijalankan di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri seluruh negara.
3. Mesyuarat juga turut membincangkan permohonan beberapa buah parti untuk menjadi komponen Barisan Nasional. Dewan Tertinggi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada parti-parti tersebut atas minat dan kesediaan mereka untuk bersama-sama dengan Barisan Nasional. Kesemua permohonan tersebut sedang diperhalusi oleh pihak urusetia Barisan Nasional.
4. Dewan Tertinggi juga bersetuju mewujudkan Puteri Barisan Nasional bagi menyelaras pergerakan wanita muda di semua parti-parti komponen. Sehubungan itu, Datuk Zahida Zarik Khan dilantik sebagai Ketua Puteri Barisan Nasional.
5. Selaras dengan Perlembagaan Barisan Nasional, Fasal 8.3.E, Mesyuarat Agung Dewan Tertinggi mengesahkan penyambungan pelantikan Bendahari Agung Barisan Nasional, Dato' Sri Hishamuddin Tun Hussein bagi tempoh dua (2) tahun lagi.

### **BARISAN NASIONAL, DAHULUKAN RAKYAT**

**DR ZAMBRY ABD KADIR**

15 Ogos 2022  
(KM/5/2022)